

**Tubuh jawatankuasa bebas siasat kerugian MAS, kata Perkasa
Malaysian Insider
Feb 26, 2014**

OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) hari ini mendesak satu jawatankuasa khas bebas mengenai Malaysia Airlines (MAS) ditubuhkan bagi menyiasat punca kerugian syarikat penerbangan itu dan cadangan mengatasi permasalahan itu.

Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali (gambar) berkata jawatankuasa itu perlu terdiri daripada tokoh berwibawa seperti kakitangan profesional dan pakar kewangan selain wakil Kesatuan Kakitangan MAS (Maseu) dan bekas ketua pegawai eksekutif sebelum ini.

“Ada masa MAS untung dan ada masa MAS rugi. Masa untung bagaimana dan rugi bagaimana. Jawatankuasa ini mesti berkuasa melakukan bedah siasat terhadap keseluruhan organisasi MAS bagi tujuan mengenal pasti punca kerugian dan apakah cadangan yang wajar kerajaan laksanakan.

“Apakah pelan pemulihan oleh pengurusan sekarang boleh diterima pakai untuk menjamin keuntungan MAS atau sebaliknya?” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pengasas Air Asia Tan Sri Tony Fernandez pada minggu lalu terkejut dengan jumlah kerugian yang ditanggung oleh MAS iaitu sebanyak RM1.17 bilion lalu menggesa polisi industri penerbangan dikaji semula.

Katanya, polisi industri dan pengurusan penerbangan perlu diperkemas manakala MAS dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) perlu membuat keuntungan bagi mengelakkan kerugian berterusan dan membebankan pembayar cukai.

Ibrahim berkata, pelbagai pandangan peribadi yang diberikan tidak semuanya sahih dan mungkin dipengaruhi sentimen tertentu membabitkan kepentingan peribadi.

Katanya, semua pihak perlu akur apabila cadangan penambahbaikan oleh suruhanjaya itu siap dan wajar sokongan sepenuhnya diberikan.

“Biar jawatankuasa itu menjalankan tugasnya dengan bebas tanpa dipengaruhi sesiapa. AirAsia X pun pernah rugi RM218 juta pada 2013 tetapi mungkin ramai yang terlepas pandang.

“Thai Airways juga rugi 12 bilion bath pada 2013 tetapi ini bukan alasan untuk MAS terus rugi sebaliknya kajian yang adil perlu dibuat,” katanya.

Menurut laman web MAS, mereka mempunyai 88 kapal terbang termasuk Airbus A330 dan A380 serta Boeing 777-200 dan 737.

Perbelanjaan MAS terus meningkat sehingga 10% tahun lalu kepada RM14.9 bilion berikutan kenaikan harga minyak.

MAS mencatatkan kerugian paling besar dalam sejarahnya pada 2011 iaitu sebanyak RM2.52 bilion.

Bagaimanapun mereka berjaya mengurangkannya pada 2012 kepada RM433 juta.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tubuh-jawatankuasa-bebas-siasat-kerugian-mas-kata-perkasa>